



## LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI (LADA) KENYATAAN TENDER TERBUKA

Tender adalah dipelawa kepada syarikat yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)** dan pengkhususan pendaftaran yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja-kerja berikut:-

BUTIR-BUTIR TAWARAN	HARGA DOKUMEN TAWARAN	TEMPAT DAN TARIKH DOKUMEN DIJUAL	SYARAT PENDAFTARAN	TARIKH DAN TEMPAT SESI TAKLIMAT	TARIKH TENDER DITUTUP
<b>LPL(T)1/2019</b>  <b>Perkhidmatan Membekal, Menghantar, Memasang, Menguji, Mentauliah Dan Menyelenggara 161 Unit Komputer Peribadi Secara Sewaan Kepada Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA), Langkawi, Kedah.</b>	<b>RM60.00</b>  (Tidak akan dikembalikan)	Lembaga Pembangunan Langkawi, Unit Perolehan, Aras 3, Kompleks LADA, Jalan Persiaran Putra, 07000 Langkawi, Kedah Darul Aman.  <b>11hb. Februari 2019 (Isnin)</b>  <b>Hingga</b>  <b>28hb. Februari 2019 (Khamis)</b>  <b>(Waktu Jualan Dokumen : 9.00 pagi hingga 4.00 petang)</b>	<b>Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)</b>  <b>Kod Bidang : 210101, 210103 DAN 210109</b>	<b>11hb. Februari 2019 ( Isnin )</b>  Jam 10.30 pagi  Berkumpul di Bilik Mesyuarat Aras 3  <b>Sesi Taklimat adalah WAJIB (sila bawa bersama sijil asal &amp; salinan semasa menghadiri taklimat)</b>	<b>3hb. Mac 2019 (Ahad)</b>  <b>Sebelum atau pada pukul 12.00 tengah hari</b>  <b>Tender yang LEWAT diterima tidak akan dilayan</b>

1. Naskah meja tawaran boleh disemak di Unit Perolehan, Aras 3, Kompleks LADA, Jalan Persiaran Putra, 07000 Kuah, Langkawi, Kedah Darul Aman pada waktu pejabat bermula **11hb. Februari 2019 hingga 28hb. Februari 2019**.
2. Bayaran Dokumen Tawaran hendaklah dibuat dalam bentuk Kiriman Wang, Wang Pos atau Bank Draf di atas nama **Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA)** (bayaran ini tidak akan dikembalikan) dan mendapatkan resit bayaran di Kaunter Unit Hasil Bahagian Kewangan, Aras 2, Kompleks LADA. Kontraktor dikehendaki membawa **SIJIL ASAL KEMENTERIAN KEWANGAN SERTA SIJIL TARAF BUMIPUTERA** (Jika Berkaitan) dan menyerahkan satu salinan (fotostat) sijil-sijil berkenaan semasa membeli dokumen tender.

3. Dokumen tender ini hanya akan dikeluarkan kepada kontraktor yang sah di mana **hanya penama di dalam SIJIL ASAL KEMENTERIAN KEWANGAN sahaja layak menyertai lawatan tapak.**
4. Dokumen Tawaran Tender yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermeterai dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di alamat:-

**Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA),  
Aras CF, Kompleks LADA,  
Jalan Persiaran Putra,  
07000 Kuah, Langkawi,  
KEDAH DARUL AMAN.**

5. Tarikh tutup tidak lewat dari **jam 12.00 tengah hari pada 3hb. Mac 2019 (Ahad)** dan tawaran yang lewat diterima tidak akan dilayan. Pihak LADA tidak terikat untuk menerima tawaran Tender yang terendah atau sebarang Tender.